

Projek EDTP diunjur jana ekonomi hiliran RM15b

Kesan penggandaan daripada pakej kepada 1,600 kontraktor

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

PROJEK Landasan Kereta Api Elektrik Berkembar (EDTP) Ipoh-Padang Besar yang menjadi penggerak utama ekonomi setempat dianggarkan menajana kegiatan ekonomi hiliran bernilai RM15 bilion dalam tempoh lima tahun pelaksanaannya.

Pengarah MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd, Datuk Azmi Mat Nor, berkata kesan penggandaan daripada projek itu antaranya dijana daripada pembayaran gaji bernilai kira-kira RM2 bilion kepada pekerja projek itu yang 90 peratus adalah rakyat tempatan.

Beliau berkata, sejak tahun lalu, projek itu sudah menggaji 7,000 pekerja pelbagai golongan daripada profesional hingga separuh profesional dan akan disertai 6,000 lagi dalam tempoh dua

hingga tiga bulan akan datang.

"Kesan penggandaan serta-merta lain daripada projek ini turut diwujudkan daripada pakej kerja yang kami tawarkan kepada 1,600 kontraktor dari empat negeri membabitkan 400 projek bernilai RM10 bilion," katanya pada sidang media di Petaling Jaya, semalam.

Azmi berkata, daripada 400 kontrak yang ditawarkan itu, 120 projek adalah di Pulau Pinang, Perak (133), Kedah

(120) dan Perlis (27) membabitkan kontrak seperti kerja struktur, kerja kejuruteraan awam, utiliti, kerja khusus dan pelbagai kerja lain.

Beliau berkata, MMC-Gamuda Joint Venture juga akan menawarkan 100 kontrak baru bernilai RM2 bilion secara berperingkat hingga akhir suku pertama 2010.

"Selain itu, projek ini juga memberi manfaat kepada pengeluaran bahan mentah binaan seperti produk konkrit, bahan kuari, produk keluli,

mesin dan bahan perkilangan lain yang mana nilai pembelian bagi bahan berkenaan setakat ini adalah RM3 bilion," katanya.

Azmi berkata, projek EDTP dengan kos RM12.485 bilion itu dijangka dapat disiapkan mengikut jadual ia itu pada 7 Januari 2013.

"Masalah berbangkit seperti isu pengambilalihan tanah misalnya yang boleh menjejaskan projek ini dijangka boleh diatasi," katanya.

MMC-Gamuda Joint Venture setakat ini sudah menyiapkan kira-kira 21 peratus daripada kerja pembinaan projek sepanjang 329 kilometer itu dengan kos RM2.8 bilion sejak memulakannya pada Januari 2008.

EDTP adalah sebuah projek prasarana penting yang diperlukan bagi mengangkut barang dan penumpang secara lebih pantas, selamat dan murah.

“MMC-Gamuda Joint Venture juga akan menawarkan 100 kontrak baru RM2b secara berperingkat hingga akhir suku pertama 2010”

Azmi Mat Nor
Pengarah MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd

